



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Pemberian kepada Negeri (Penyenggaraan Pihak-pihak
Berkuasa Tempatan) 1980**

DR.36/1980

Naskah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk memberi kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang tersusun semula pemberian tahunan melalui Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu untuk membantu pihak-pihak berkuasa tempatan menyenggara pentadbiran mereka.

[1hb Januari 1978.]

BAHAWASANYA menurut Fasal (3) Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan adalah diperuntukkan bahawa Parlimen boleh dengan undang-undang memberi pemberian bagi maksud-maksud tertentu kepada mana-mana Negeri mengikut apa-apa had dan syarat sebagaimana diperuntukkan oleh undang-undang itu;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pemberian kepada Negeri (Penyenggaraan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan) 1980 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1978.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. (1) Persekutuan boleh dari semasa ke semasa membuat pemberian kepada sesuatu Negeri bagi penyenggaraan pihak-pihak berkuasa tempatan di dalam Negeri itu.

Pemberian
oleh
Persekutuan
kepada
Negeri.

2 RANG UNDANG-UNDANG

(2) Amaun pemberian yang dibuat di bawah seksyen kecil (1) hendaklah ditentukan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi kerajaan tempatan setelah berunding dengan Menteri Kewangan.

Persekutuan
boleh
mengenakan
had dan
syarat.

3. Persekutuan, semasa memberi pemberian ini, boleh mengenakan had dan syarat yang akan dipatuhi oleh sesuatu Negeri itu termasuk suatu syarat bahawa pemberian itu hendaklah dibelanjakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan bagi sesuatu maksud yang tertentu.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memberi kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang tersusun semula pemberian melalui Kerajaan Negeri bagi maksud untuk membantu pihak-pihak berkuasa tempatan menyenggara pentadbiran mereka.

2. Kuasa untuk memberi, dan tujuan memberi, pemberian itu ada dinyatakan dalam *Fasal 2*.

Fasal 3 memperuntukkan bahawa had dan syarat boleh dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan semasa memberi pemberian itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1057.]